

22 MAY 1997

DR MAHATHIR DI TANGGA KEDUA "POWER 50" ASIAWEEK

SINGAPURA, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "masih kuat seperti dahulu" dan beliau telah naik ke tangga kedua dalam senarai 50 individu yang berkuasa di Asia, menurut kajian Asiaweek.

Dr Mahathir menduduki tangga keempat tahun lepas dalam kajian "Power 50" Asiaweek, iaitu "ranking" tahunan 50 individu yang berkuasa dan berpengaruh di Asia.

Menurut majalah itu individu yang paling berkuasa di Asia tahun ini ialah Presiden China, Jiang Zemin, yang menduduki tempat kedua tahun lepas, manakala Presiden Suharta dari Indonesia yang menduduki tempat teratas tahun lepas sekarang menduduki tempat ke tiga.

Individu lain yang berada dalam senarai 10 teratas ialah di tangga keempat Rupert Murdoch (Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif News Corp.), kelima Naib-Perdana Menteri China Zhu Rongji, keenam Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto, ketujuh Presiden Taiwan Lee Teng-hui, kelapan Liem Sioe Liong (Pengerusi Salim Group), kesembilan Raja Bhumibol Adulyadej dan kesepuluh Sultan Brunei dan Perdana Menteri Hassanal Bolkiah.--BERNAMA

THG RI